

PERHEBAT RUNDINGAN DUA HALA

ABU DHABI, Rabu — Malaysia dan Emiriyah Arab Bersatu menggesa negara-negara Islam memperhebat rundingan kerjasama di peringkat dua hala dan pelbagai negara.

Dalam satu pernyataan bersama dikeluarkan di sini di akhir lawatan dua hari Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, kedua-dua negara menegaskan bahawa langkah ini adalah bagi kepentingan setiakawan Islam serta kemajuan dan kestabilan umah.

Kedua-dua pihak bersetuju, langkah ini perlu diambil untuk membantu mengisri aspirasi-aspira-

si umat Islam di seluruh negara.

Malaysia dan Emiriyah Arab Bersatu melahirkan kekhawatiran terhadap pertikaian yang berterusan antara Iran dan Iraq kerana bukan sahaja ia bertentangan dengan perpaduan Islam dan negara-negara berkecuali tetapi juga membahayakan keamanan dan kestabilan rantau ini.

Kedua-dua negara menyeru pihak-pihak bertikaian itu menghentikan sikap permusuhan dan menyelesaikan segala perbezaan secara aman berdasarkan prinsip-prinsip Islam.

— Mereka — juga menegaskan sekali lagi

sokongan penuh mereka kepada usaha-usaha dalam Pertubuhan Perundingan Islam, pergerakan berkecuali dan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dalam mencari penyelesaian segera, adil dan berterusan kepada pertikaian itu.

Pernyataan itu juga merujuk kepada beberapa isu antarabangsa seperti masalah Asia Barat, isu Palestin, masalah Afghanistan, keadaan di Asia Tenggara, selatan Afrika dan juga masalah peningkatan ketenteraan kuasa-kuasa besar di latan Hindi.

Kedua-dua negara juga mengutuk Israel ke-

rana menghakmilikkan Bukit Golan di Syria dan menganggap perbuatan itu satu tindakan pencerobohan terhadap dunia Arab dan Islam dan bertentangan dengan piagam Bangsa-bangsa Bersatu.

Penghargaan

Kedua-dua Malaysia dan Emiriyah Arab Bersatu dengan keras mengutuk pencerobohan berterusan Israel terhadap Lubnan yang bertujuan untuk menghancurkan kedaulatan dan keutuhan kawasan negara itu.

Emiriyah melahirkan penghargaan mendalam terhadap dasar tegas

Malaysia menyokong perjuangan Arab dan Palestin dan juga menyambut baik peranan Malaysia dalam mewujudkan kawasan aman, bebas dan berkecuali di Asia Tenggara.

Mengenai hubungan dua hala, kedua-dua negara melahirkan hasrat untuk mencari jalan mengukuhkan lagi kerjasama yang sedia wujud dan mencari lain-lain kerjasama dalam bidang keagamaan, perdagangan dan pelaburan.

Mereka bersetuju untuk mengambil segala langkah memperhebatkan kerjasama dalam bidang-bidang itu bagi faedah rakyat kedua negara.